

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUTEKNIK RENDAH (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTEKNIK RENDAH
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Pengalaman yang berkebolehan praktikal yang terbukti dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah atau pemetaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan kerja-kerja di unit-unit di bawah Bahagian Ukur Tanah atau Bahagian Pemetaan Informatik;
2. Memastikan perjalanan kerja mengikut *Work Instruction* dalam Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*);
3. Membantu Juruteknik Ukur dalam pengukuran tanah dan pemetaan dilaksanakan dengan betul; dan



4. Memasukkan data-data ke dalam *database* untuk Sistem Maklumat Tanah jika diperlukan.